

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO SEMPENA SAMBUTAN 20 TAHUN FAKULTI PERUBATAN UiTM.

Syarat dan Terma Pertandingan

1. Penyertaan adalah terbuka kepada warga Fakulti Perubatan UiTM, Hospital UiTM dan alumni Fakulti Perubatan UiTM. Ahli jawatankuasa/Panel Penilai **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai pertandingan ini.
2. Penyertaan pertandingan ini adalah **PERCUMA** dan peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu (1) LOGO sahaja yang akan dipilih sebagai pemenang.
3. Satu borang penyertaan adalah untuk **SATU** penyertaan sahaja. Borang penyertaan hendaklah dilampirkan bersama-sama hasil karya logo.
4. Sijil penyertaan akan diberikan kepada setiap peserta.
5. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan sendiri.
6. Semua ciptaan mestilah **ASLI** dan tidak ditiru atau diambil daripada mana-mana logo tempatan mahu pun luar negara.
7. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Julai 2022 (Khamis). Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diterima.
8. Semua logo yang diterima akan menjadi hak milik Fakulti Perubatan UiTM dan tidak akan dikembalikan.
9. Panel penilai **BERHAK** mengubah suai dan meminda reka bentuk logo yang diterima sekiranya perlu. Logo yang terpilih akan diguna pakai sama ada untuk dipamer atau dicetak dalam mana-mana acara dan majlis.
10. Hasil karya perlu dimuat naik dalam bentuk pautan **Google Drive**. Pautan tersebut hendaklah disetkan kepada '**Anyone with the link**' dan '**Editor**'.

Spesifikasi Reka Bentuk

1. Reka bentuk mestilah baharu dan asli serta tiada unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli atau diambil daripada mana-mana pihak.

2. Reka bentuk hendaklah dipaparkan melalui pandangan hadapan mengikut kreativiti masing-masing dan elemen logo perlulah bercirikan **20 Tahun Fakulti Perubatan** yang berkonsepkan 'Memacu Kecemerlangan Evolusi Perubatan'.
3. Penggunaan warna hendaklah menggunakan daripada **warna logo UiTM sahaja** dan reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas **bersaiz A4** (ukuran 21cm x 29.7cm). Ciptaan reka bentuk logo ini perlu dihantar dalam bentuk 'softcopy' dengan menggunakan **format AI (Adobe Illustrator), PS (Adobe Photoshop)** dan **PNG** bersolusi tinggi.
4. Pereka hendaklah memberikan penerangan atau penjelasan yang rasional terhadap reka bentuk logo dan warna yang digunakan.

Kriteria Pemarkahan

Bil.	Komponen	Markah
1.	Penjelasan logo	20
2.	Keaslian	20
3.	Mainan warna	20
4.	Penyusunan fon	20
5.	Penceritaan maksud keseluruhan logo	20
Jumlah keseluruhan		100

Hadiah Pertandingan

Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak urus setia melalui telefon, surat atau e-mel

Hadiah Pemenang

Hadiah Utama	: RM700.00
Hadiah Kedua	: RM200.00
Hadiah Ketiga	: RM100.00